

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN :-

Diterbit sejak 1957 [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)

# Lambakan **Eksklusif** graduan pergigian

Lepasan jurusan pergigian terpaksa menunggu enam hingga 18 bulan untuk diserap ke Program Pegawai Pergigian Baharu (NDOP) selepas tamat pengajian. Keadaan ini berlaku berikutan pertambahan graduan pergigian baharu setiap tahun sejak 2010. Pada 2017, 1,258 graduan pergigian mendaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia, meningkat 24.2 peratus berbanding 2016, 52 peratus lulusan adalah dari universiti luar negara.

**Laporan Suzalina Halid Muka 4/5**



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

# Lama menunggu jadi doktor gigi

Ambil masa sehingga 18 bulan untuk sertai latihan NDOP

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pengajian bidang pergisian bukan mudah untuk ditempuh, selain syarat kelayakan ketat dengan kos yuran tinggi, kini kesukaran semakin bertambah apabila graduan sukar mendapat tempat untuk menjalani latihan Program Pegawai Pergiian Baharu (NDOP) sebelum layak bergelar doktor gigi.

Sebelum ini, tempoh menunggu setiap graduan pergisian bagi mendapat tempat latihan NDOP yang dulu dikenali sebagai Pegawai Pergiian Tahun Pertama (FYDO) dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selepas tamat pengajian adalah di antara satu hingga dua bulan tetapi kini berlarutan sehingga 18 bulan.

Kelewatan dan kesukaran mendapat tempat latihan terbahit, didakwa berpunca daripada lambakan graduan bidang pergisian tempatan daripada universiti dalam dan luar negara.

Selain 13 universiti awam dan kolej swasta tempatan yang menawarkan pengajian bidang berkenaan, hampir 130 universiti luar negara turut diiktiraf KKM bagi melatih pelajar pergisian dari negara ini.

Keadaan itu menyaksikan Majlis Pergiian Malaysia (MDC) merekod pertambahan pendaf-

aran doktor pergisian baharu yang signifikan setiap tahun dengan bilangan terkini seramai 1,258 pada 2017, peningkatan 24.2 peratus berbanding 1,013 graduan bidang pergisian pada tahun sebelumnya.

Berdasarkan laporan dikeluarkan MDC, peningkatan pendaftaran graduan pergisian direkodkan secara konsisten bermula dengan 321 orang didaftar pada 2010, yang meningkat kepada 418 pada 2011; 613 (2012); 697 (2013); 896 (2014); 980 (2015) dan 1,013 pada 2016.

Daripada 1,258 doktor pergisian yang mendaftar dengan MDC pada 2017, sebanyak 52 peratus atau 660 orang adalah graduan luar negara dengan paling ramai mengikuti pengajian di India iaitu 191 orang; Emiriah Arab Bersatu (157) dan Mesir, 96 orang. Selebihnya, adalah daripada kalangan 10 negara yang menerima pelajar pergisian Malaysia.

Tempoh menunggu yang panjang sebelum berpeluang menyertai NDOP, membuatkan ada dalam kalangan graduan pergisian tempatan dan luar negara, terpaksa melakukan pelbagai pekerjaan rencam, termasuk pelayan restoran makanan segera dan guru tuisyen, demi kelangsungan hidup bagi mengelak terus membebankan keluarga yang banyak berkorban sepanjang pengajian.

Presiden Persatuan Doktor Gigi Islam Malaysia (IDAM), Dr Firdaus Hanapiah, percaya tempoh menunggu yang panjang berlaku kerana kerajaan terlepas pandang untuk mengawal 'pintu belakang' dalam penghasilan doktor gigi dengan mengiktiraf 129 universiti di luar negara yang

menawarkan bidang pergisian, termasuk dari Pakistan, Taiwan, Indonesia dan India.

"Sekitar 2000, kerajaan mahu menjadikan negara sebagai hab pendidikan dengan menggalakkan pelajar mengikuti bidang perubatan. Justeru, kerajaan menggalakkan penubuhan lebih banyak fakulti perubatan dan pergisian oleh IPT tempatan.

"Selain itu, kita juga menghantar terlalu ramai penuntut ke luar negara khususnya India, Indonesia, Arab dan Jordan. Malah, kerajaan juga mengiktiraf terlalu banyak universiti luar negara yang menawarkan bidang pengajian pergisian kepada rakyat Malaysia.

"Apabila setiap tahun, penuntut bidang pergisian ini diberikan tajaan dan biasiswa sama ada daripada JPA (Jabatan Perkhidmatan Awam) dan MARA (Majlis Amanah Rakyat) ke luar negara, maka semakin lama semakin ramai graduan pergisian yang dilahirkan sama ada dari luar negara mahupun melalui IPT tempatan," katanya.

Beliau berkata, susulan pengambilan yang terhad bagi setiap kohort, menyebabkan semua graduan pergisian terpaksa menanti lama untuk mendapat peluang menjalani latihan NDOP masing-masing.

Katanya, walaupun JPA dan MARA mengurangkan atau menghentikan penghantaran penuntut bidang pergisian ke luar negara, namun masih ramai yang pergi sendiri sebelum kembali memenuhi senarai menunggu peluang pengambilan NDOP.

Presiden Persatuan Penuntut Pergiian Malaysia (MDSA),

**Eksklusif**



Dr Firdaus ketika memberi rawatan kepada pesakit.  
(Foto Sairien Nafis/BH)

Jacklyn Ng Zhi Ling, mengakui berlaku peningkatan drastik penuntut bidang pergisian di negara ini sejak enam tahun lalu.

Katanya, peningkatan itu jelas kelihatan daripada hanya kira-kira 1,000 penuntut didaftarkan secara automatik dengan MDSA pada 2013, meningkat kepada lebih 3,000 pada tahun ini.

Mengulas lanjut, beliau percaya peningkatan itu disumbangkan jumlah penuntut daripada institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang mewakili tujuh daripada keseluruhan 13 yang menawarkan pengajian bidang terbahit di negara ini.

"Memang berlaku peningkatan drastik berbanding dahulu. Susulan itu, kerajaan seharusnya menambah bajet bagi pengambilan lebih ramai graduan pergisian untuk menjalani Program Pegawai Pergiian Baharu (NDOP).

"Ya sekali gus boleh mengurangkan tempoh menunggu graduan pergisian yang kini kebiasaannya terpaksa menunggu sekurang-kurangnya enam bu-

lan sebelum berpeluang menjalani latihan berkenaan," katanya yang berharap tempoh itu dapat disingkatkan kepada tiga bulan sahaja.

Beliau berkata, masa sama kerajaan perlu meningkatkan kemudahan dan sumber yang ada seperti kerusi pergisian yang dikatakan bukan sahaja tidak mencukupi, malah banyak yang usang dan boleh menyebabkan proses latihan terganggu.

"Saya rasa isu lambakan dan tempoh menunggu ini boleh diselesaikan jika kerajaan melihat semula sistem penempatan doktor gigi ini dalam perkhidmatan Kementerian Kesihatan.

"Kita mendapat maklumat, wujud kekurangan doktor gigi khususnya di Sabah dan Sarawak, yang sekali gus menunjukkan bahawa wujudnya permintaan lagi terhadap bidang profesional itu asalkan saluran penempatan yang betul dilaksanakan," katanya.

Selain isu graduan pergisian menanti peluang latihan



**Kita menghantar terlalu ramai penuntut ke luar negara. Malah, kerajaan juga mengiktiraf terlalu banyak universiti luar negara yang menawarkan bidang pengajian pergisian kepada rakyat Malaysia.**

Dr Firdaus Hanapiah,  
Presiden IDAM

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN :



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

# Cadangan tetapkan harga ubat diteliti

*Bagi memastikan kos dan perbelanjaan kesihatan yang dibayar oleh rakyat tidak membebankan*

KUALA SELANGOR

**K**ementerian Kesihatan (KKM) bersedia meneliti cadangan untuk menetapkan satu penanda aras bagi harga ubat dan bekalan farmasi pada masa hadapan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, cadangan yang disifatkan baik itu perlu diberi perhatian bagi memastikan kos dan perbelanjaan kesihatan dibayar oleh rakyat tidak membebankan.

"Cadangan (menetapkan harga ubat dan bekalan farmasi) pastinya datang daripada pihak yang bertanggungjawab dalam memastikan kos dibayar rakyat adalah munasabah.

"Cadangan itu saya akan ambil perhatian," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis berkhatan amal di Klinik Wakaf An-Nur, Masjid Nurul Iman Ijok di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas saranan pemain-pemain industri insurans dan takaful supaya KKM mengkaji kemungkinan menetapkan penanda aras kepada harga ubat dan bekalan farmasi memandangkan kos perbelanjaan kesihatan



Dr Dzulkefly (tengah berbaju putih) merangkap Ahli Parlimen Kuala Selangor bersama 80 kanak-kanak yang menyertai program berkhatan beramai-ramai selepas merasmikan program tersebut di Masjid Nurul Iman, Kampung Ijok semalam. Gambar kecil: Dr Dzulkefly.

yang semakin meningkat.

Pemain-pemain industri itu juga dilaporkan berkata, jumlah perbelanjaan kesihatan tahun lepas menjangkau RM60.147 bilion yang mana 52 peratus dibiayai oleh kerajaan dan bakinya sebanyak 35 peratus dibayar oleh isi rumah sendiri manakala insurans swasta (tujuh peratus), perbadanan (empat peratus) dan lain-lain agensi (dua peratus).

Menurut kumpulan itu juga, sekiranya kos penjagaan kesihatan tidak dikawal, peningkatan dalam premium bagi insurans perubatan dan kesihatan tidak akan dapat dielakkan lagi.

Dalam pada itu, program berkha-

tan amal semalam dianjurkan secara bersama oleh Hospital Pakar KPJ Selangor, Pertubuhan Sosial Orang Kuala Selangor dan Lembaga Zakat Selangor.

Sebanyak 80 kanak-kanak berumur sembilan hingga 12 tahun dari sekitar Kuala Selangor menyertai program berkhatan beramai-ramai yang diadakan secara percuma itu hasil sumbangan penganjur terlibat.

Pada 13 Disember lalu, *Sinar Harian* menganjurkan wacana bertajuk, Isu Harga Ubat Mahal: Siapa dan Apa Penentunya? yang membincangkan isu ketelusan harga ubat di peringkat pengguna di Malaysia.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

## Malaysia jangka beri suntikan vaksin kepada pendatang

**Kuala Lumpur:** Malaysia bakal memberikan suntikan vaksin kepada pendatang asing di negara ini sebagai usaha mengelak penularan wabak penyakit berjangkit.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Kementerian Kesihatan akan mendapatkan kerjasama daripada Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) bagi memperoleh bekalan vaksin untuk diberi kepada pendatang asing.

Katanya, kementerian juga akan cuba mendapatkan kerjasama daripada kerajaan Filipina untuk mendapatkan vaksin memandang negara itu memperoleh bekalan vaksin lebih murah.

"Satu kerjasama antara Malaysia dengan Filipina (akan diwujudkan) sebab kita di Malaysia tidak diberi (dibekalkan) vaksin yang murah, tetapi Filipina mereka dapat harga murah.

"Kami akan cuba peroleh (vaksin) mengumukan negara Filipina untuk diberi kepada pendatang asing.

"Kementerian juga akan bekerjasama dengan UNICEF untuk mendapatkan vaksin yang disubsidkan kepada pendatang asing," katanya kepada media selepas perasmian persidangan 'Be a Heart Hero' di Yayasan Jantung Malaysia oleh Timbalan Menteri Kesihatan Dr Lee Boon Chye, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, antara 20 hingga 30 peratus pendatang asing, khususnya di Sabah dan Sarawak keluar masuk negara ini tanpa saringan dan perkara itu menjadi kekusaran pihaknya jika mereka ini tidak mendapat vaksin.

Minggu lalu, media melaporkan seorang bayi lelaki berusia tiga bulan dari Tuaran, Sabah dijangkiti virus polio, iaitu kes pertama selepas 27 tahun Malaysia bebas daripada penyakit itu.

Bayi itu dilaporkan mengalami demam diikuti lemah anggota badan dan dimasukkan ke unit rawatan rapi di hospital sebelum disahkan dijangkiti vaccine-derived poliovirus type 1 (VDPV1).

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham mengharapkan wujudnya kesedaran dalam kalangan ibu bapa mengenai pentingnya mengambil suntikan vaksin sebelum pihaknya melaksanakan tindakan mewajibkan pengambilan vaksin.

"Kita kena galakkan dan beri pendidikan kesihatan kepada ibu bapa," katanya. BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Isu fi perundingan klinik swasta

# Proses mansuh ambil beberapa bulan diwartakan

Selagi belum dikuat kuasa, semua klinik perlu patuh kadar caj ikut Akta 586

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Semua klinik perubatan dan perigian swasta negara ini, belum boleh mengenakan fi perundingan mengikut bu- di bicara masing-masing, kerana pemansuhan kawalan oleh kerajaan terhadap kadar bayaran ter- babit, belum dikuatkuasakan.

Proses pemansuhan kawalan fi perundingan mengikut Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Ja- gaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586) itu mengambil masa bebe- rapa bulan lagi untuk diwartakan.

Ketika ini, mengikut Akta 586, fi perundingan yang boleh di- kenakan klinik perubatan swasta kepada pesakit masing-masing adalah di antara RM10 hingga RM35, tidak termasuk caj ubat-ubatan.



Keratan akhbar BH 7 Disember lalu.

Presiden Persatuan Peruba- tan Malaysia (MMA), Dr N Ga- nabaskaran, berkata sehingga pemansuhan kawalan fi perun- dingan itu dikuatkuasakan, se- mua klinik perlu mematuhi ka- dar caj ditetapkan mengikut Ak- ta 586.

Dalam pengumuman pada 7 Di- sember lalu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, mengumumkan persetujuan ke- rajaan memansuhkan kawalan terhadap fi perundingan itu se- lepas perbincangan ketika me- syuarat Kabinet pada 29 Novem-

ber dan 6 Disember lalu.

Susulan pemansuhan kawalan itu, Dr Dzulkefly dilaporkan be- kata, kementeriannya akan me- wajibkan semua pengamal peru- batan dan perigian mempamer- kan caj perundingan yang dike- nakan kepada pesakit di premis masing-masing.

Katanya, keputusan ini diam- bil kerajaan dalam usaha mem- beri pilihan kepada orang ra- mai memilih pengamal peru- batan dan perigian swasta yang menawarkan caj berpatu- tan terhadap khidmat ditawar-

kan mereka.

Sementara itu, Timbalan Men- teri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye, berkata Bahagian Perundangan Kementerian Kesihatan mendraf peraturan yang perlu dipinda su- sulan pelaksanaan pemansuhan yang diumumkan itu.

"Ia membabitkan pindaan ter- hadap peraturan sedia ada oleh menteri mengikut Akta 586 yang didalamnya ketika ini ada satu jadual fi untuk doktor yang me- netapkan kadar berkenaan.

"Bagaimanapun pindaan itu ti- dak perlu dikemukakan kepada Parlimen, sebaliknya perlu dise- mak pejabat Peguam Negara un- tuk memastikan semuanya sem- purna sebelum menteri menan- datangani peraturan baharu itu," katanya.

Kementerian Kesihatan Ma- laysia dalam kenyataan berasi- ngan, berkata proses pemansu- han kawalan fi perundingan itu perlu mengambil masa kerana kementerian juga perlu menga- dakan sesi libat urus dengan se- mua pihak berkepentingan.

"Proses tambah baik peratu- ran sedia ada dan memasukkan peraturan baharu sudan bermu- la dan proses ini akan meng- ambil sedikit masa," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

## Syor tetap harga ubat, bekalan farmasi dikaji

**Kuala Selangor:** Kementerian Kesihatan sedia meneliti cadangan untuk menetapkan satu penanda aras bagi harga ubat dan bekalan farmasi pada masa hadapan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata itu adalah cadangan yang baik dan perlu diberi perhatian bagi memastikan kos serta perbelanjaan kesihatan tidak membebankan rakyat.

"Cadangan (menetapkan harga ubat dan bekalan farmasi) pastinya datang daripada pihak yang bertanggungjawab dalam memastikan kos dibayar rakyat munasabah.

"Cadangan itu saya akan ambil perhatian," katanya kepada media selepas merasmikan majlis berkhathan amal di Klinik Wakaf An-Nur, Masjid Nurul Iman Ijok di sini, semalam.

Program berkhathan amal di masjid terbabit, yang dianjurkan bersama oleh Hospital Pakar KPJ Selangor, Pertubuhan Sosial Orang Kuala Selangor dan Lembaga Zakat Selangor (LZS), disertai 80 orang kanak-kanak lelaki berusia tujuh hingga 12 ta-



**Dr Dzulkefly meraikan kanak-kanak pada majlis berkhathan amal di Masjid Nurul Iman Kampung Ijok, Kuala Selangor, semalam.**  
(Foto Roslin Mat Tahir/BH)

hun dari sekitar daerah itu.

Dr Dzulkefly berkata demikian mengulas saranan pemain industri insurans dan takaful supaya pihaknya mengkaji kemungkinan menetapkan penanda aras harga ubat dan bekalan farmasi memandangkan kos perbelanjaan kesihatan semakin meningkat.

**BERNAMA** sebelum ini melaporkan kenyataan pemain industri yang mendakwa jumlah perbelanjaan kesihatan tahun lalu menjangkau RM60.147 bilion dengan 52 peratus dibiaya oleh kerajaan dan baki 35 peratus dibayar oleh isi rumah sendiri, manakala insurans swasta (tujuh pe-

ratus), perbadanan (empat peratus) dan lain-lain agensi (dua peratus).

Menurut kumpulan itu juga, sekiranya kos penjagaan kesihatan tidak dikawal, peningkatan premium bagi insurans perubatan dan kesihatan tidak akan dapat dielakkan lagi.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL



NDOP, Pengerusi Persatuan Doktor Gigi Malaysia-Seksyen Mengenai Pegawai dan Pakar Pergigian (MDA-SCODOS), Dr Muhammad Farid Nurdin, mendedahkan negara juga berdepan isu lambakan doktor gigi yang tidak diserapkan ke jawatan tetap selepas tamat latihan NDOP dan kontrak perkhidmatan selepas itu selama dua tahun.

Beliau berkata, tiadanya kawalan kerajaan terhadap penghantaran penuntut ke luar negara untuk mengikuti pengajian dalam bidang pergigian, juga menyumbang ke arah lambakan itu.

Katanya, ketika ini, kerajaan menerusi Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengamalkan dasar pengejatan jawatan dengan hanya mengganti pegawai pergigian yang sudah pencen atau beralih kepada perkhidmatan sektor swasta.

Justeru, katanya, berlaku ketidakseimbangan dalam situasi itu yang mana doktor gigi

baru yang didaftarkan setiap tahun meningkat, namun perjawatan yang ditawarkan masih berada dalam jumlah sama.

"MDA-SCODOS mengunjurkan perlunya ada 1,200 jawatan untuk bidang pergigian dalam perkhidmatan awam setiap tahun, namun jawatan ditawarkan JPA ialah sekitar 500 sahaja, menyebabkan doktor gigi ini bukan sahaja terpaksa menunggu lama untuk menjalani latihan NDOP, tetapi turut berisiko 'hilang pekerjaan' selepas itu.

"Justeru, kerajaan wajar menambah sekurang-kurangnya 700 jawatan baharu dalam bidang pergigian. Dengan penambahan jawatan ini, mereka boleh diletakkan di klinik dan hospital baharu atau ditempatkan di kawasan yang padat penduduk," katanya.

**Kerajaan wajar menambah sekurang-kurangnya 700 jawatan baharu dalam bidang pergigian.**

Dr Muhammad Farid Nurdin, Pengerusi MDA-SCODOS



## Ternanti-nanti panggilan NDOP

**Kuala Lumpur:** Tiada apa yang mampu dilakukan graduan pergigian negara ini, selain terus menanti dengan sabar peluang menyertai latihan Program Pegawai Pergigian Baharu (NDOP) selepas tamat pengajian masing-masing.

Graduan sebuah universiti tempatan, Nurul Ashikin Mastura Muhammed Rezuwan, 24, berkata ekoran tiada kepastian bila akan menyertai latihan itu, dia mengambil peluang bekerja sebagai guru tuisyen sementara selepas tamat pengajian, Jun lalu.

Katanya, pada masa sama beliau berharap namanya akan terpilih menyertai latihan NDOP pada Februari atau Mac ini, meskipun sehingga kini tiada jaminan diberikan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dalam pengambilan sesi terbabit.

"Setiap hari saya periksa emel untuk mendapat maklumat mengenai penempatan latihan itu, malah saya juga ada menghubungi pihak SPA, namun mereka menyatakan tidak boleh menjanjikan bila boleh dapat sebab kena tunggu maklum balas Kementerian Kesihatan.

"Saya risau juga kerana dengar cerita rakan dari universiti lain yang terpaksa tunggu lebih setahun untuk mendapat tempat tetapi untuk universiti tempat kami menuntut kebiasaannya tempoh menunggu sekitar lima hingga enam bulan," katanya.

Graduan dari sebuah kolej swasta di Melaka, Mohamad Nazriq Abu Bakar, berkata beliau bersama lebih 70 rakan dalam bidang sama turut menanti panggilan menjalani latihan NDOP selepas tamat pengajian, Ogos lalu.

Katanya, sehingga kini tiada jaminan mereka semua akan dapat menjalani latihan NDOP pada pengambilan akan datang sebaliknya hanya perlu menunggu maklumat yang akan diemil pihak SPA.

Nasib lebih malang sedang dilalui seorang graduan pergigian dari universiti di Dubai, apabila belum berpeluang menyertai NDOP selepas lebih setahun menamatkan pengajiannya.

Graduan itu yang hanya mahu dikenali sebagai Hana, 27, melanjutkan pengajian pergigian dengan kos sendiri kira-kira RM300,000 di Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada 2013 dan pulang ke tanah air pada Julai tahun lalu.

"Sebaik pulang dari Dubai, saya mendaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia (MDC) kerana itu adalah di antara syarat memohon NDOP. Walaupun universiti yang saya belajar itu diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) namun ia belum diiktiraf oleh MDC.

"Saya dimaklumkan MDC bahawa mereka perlu melakukan beberapa perbincangan yang mengambil masa agak lama sebelum memutuskan sama ada saya boleh mendaftar dengan majlis itu. Hanya selepas pendaftaran dengan MDC selesai, baharu saya boleh memohon dengan SPA untuk menjalani NDOP.

"Secara jujur, saya tidak tahu universiti itu tidak diiktiraf oleh Malaysia, sehinggalah tamat pengajian dan pulang ke tanah air menjalani latihan," katanya yang kini menjadi guru tuisyen demi menampung perbelanjaan.

Hana berkata, selain dirinya, ada beberapa rakan graduan pergigian yang turut menuntut di universiti kebanyakannya di Asia Barat menerima nasib sepertinya.

"Kalau ikutkan saya rasa, macam dah putus asa tapi masih mengharap untuk mendapat tempat dalam masa terdekat kerana ingin berkhidmat sebagai doktor gigi," katanya.

Sementara itu, seorang doktor gigi dalam perkhidmatan yang mahu dikenali sebagai Dr Ahmad, mendedahkan beliau pernah bekerja sebagai pelayan restoran makanan segera, sepanjang tempoh 16 bulan menunggu peluang mengikuti latihan NDOP.

Beliau yang juga graduan



**Setiap hari saya periksa emel untuk mendapat maklumat mengenai penempatan latihan itu, malah saya juga ada menghubungi pihak SPA, namun mereka menyatakan tidak boleh menjanjikan bila boleh dapat.**

Nurul Ashikin Mastura Muhammed Rezuwan, Graduan universiti tempatan

universiti di Jordan dengan tajaan JPA pada 2010, mengakui sangat terkejut kerana terpaksa menunggu lama untuk NDOP.

"Saya memang tidak sangka terpaksa menunggu lama untuk berkhidmat kerana sebelum itu ada rakan senior yang berehat sebulan sebelum dipanggil menjalani latihan.

"Bayangkan masa itu sudah dua kali raya, saya masih tidak dipanggil menjalani latihan. Saya sangat malu apabila saudara-mara yang berkunjung ke rumah bertanya kenapa saya masih tidak bekerja, hingga hilang semangat nak beraya," katanya.

Beliau melihat wujudnya ketidakseimbangan dalam penghantaran penuntut ke luar negara untuk menyambung pengajian dalam bidang pergigian dengan kuota yang disediakan oleh KKM bagi menempatkan mereka menjalani latihan.



Nurul Ashikin Mastura sedang merawat gigi kanak-kanak miskin di Kemboja selepas mengikuti kem anjuran Persatuan Pelajar Pergigian Asia Pasifik (APDSA).